



KERAJAAN MALAYSIA

# PEROLEHAN PERUNDING KAJIAN

## HAD NILAI KUASA MELULUS PBM

PBM	Had Nilai Kuasa Melulus PBM
Lembaga Perolehan Agensi	(a) Kos projek pembangunan fizikal sehingga RM300 juta (b) Kos kajian sehingga RM5 juta (c) Kos kerja ukur sehingga RM5 juta
Kementerian Kewangan	(a) Kos projek pembangunan fizikal melebihi RM300 juta (b) Kos kajian melebihi RM5 juta (c) Kos kerja ukur melebihi RM5 juta

## KAEDAH PEROLEHAN

Had nilai kaedah perolehan perunding adalah seperti berikut:

Kaedah Perolehan	Had Nilai Perolehan (RM)
Lantikan Terus Beserta Kos Siling	Kos Projek Pembangunan Fizikal sehingga RM50 juta Kos Kajian sehingga RM500 ribu Kos Kerja Ukur sehingga RM500 ribu
Tender atau Terbuka Terbuka Pra Kelayakan	Kos Projek Pembangunan Fizikal melebihi RM50 juta Kos Kajian melebihi RM500 ribu Kos Kerja Ukur melebihi RM500 ribu

**STEP BY STEP PELANTIKAN PERUNDING KAJIAN MELALUI  
KaedaH Lantikan Terus Beserta Kos Siling**

**PEROLEHAN PERUNDING SECARA AM**

Agensi Kerajaan yang diberi peruntukan/pembangunan Kerajaan Persekutuan sama ada melalui geran atau pinjaman dan sama adapembangunan sepenuhnya atau sebahagian daripada kos projek/perbelanjaan, tidak kira Agensi mana yang melaksanakan projek atau melakukan perbelanjaan, dikehendaki mematuhi semua peraturan kewangan yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan (MOF)

BIL	STEP BY STEP	KETERANGAN
1	PERANCANGAN TAHUNAN BAGI MENJALANKAN PROJEK KAJIAN	PROJEK YANG HENDAK DIJALANKAN TELAH DIRANCANG AWAL
2	PERMOHONAN KELULUSAN MENJALANKAN PROJEK BERBENTUK KAJIAN DAN ANGGARAN BAJET	MINIT KELULUSAN BOM
3	<p><b>MESYUARAT JPP</b> (Surat Lantikan dikeluarkan oleh PCT dan ditandatangani oleh KP)</p> <p>Tugas dan tanggungjawab JPP adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Mempertimbangkan Terma Rujukan (TOR) yang telah disediakan oleh Agensi dengan memastikan ianya adalah jelas dan bersesuaian dengan keperluan projek/kajian;</li> <li>(b) Mempertimbangkan perincian anggaran kos perkhidmatan perunding yang telah disediakan oleh Agensi;</li> <li>(c) Menyemak dan menilai cadangan teknikal dan cadangan kos perunding serta membuat rundingan dengan firma bagi memuktamadkan kos perkhidmatan perunding bagi perolehan yang dilaksanakan secara Lantikan Terus Berserta Kos Siling terikluk kos yang dirundingkan hendaklah tidak melebihi kos siling yang telah diluluskan oleh PBM;</li> <li>(d) Membuat pelarasan semula kos perkhidmatan perunding (rationalize) terhad bagi kesilapan aritmetik dan kos imbuhan balik sahaja;</li> <li>(e) Memperakurkan firma perunding yang disenaraikan pendek</li> </ul> <p>Membuat penilaian ke atas cadangan teknikal dan cadangan kos yang dikemukakan oleh perunding berdasarkan kepada kriteria dan wajaran yang telah ditetapkan;</p> <p>Menandatangani Surat Akuan Ahli/Pengerusi JPP sebelum mulakan sebarang penilaian;</p> <p>Menandatangani Surat Akuan Selesai Tugas Jawatankuasa Berkaitan Perolehan Perkhidmatan Perunding.</p> <p>Bertanggungjawab sepenuhnya ke atas semakan dan perakuan yang dikemukakan kepada PBM; dan</p>	<p><b>A. FINALISE TOR</b></p> <p>9.2.1. TOR <u>hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya</u> perkara-perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Latar belakang projek/kajian;</li> <li>(b) Objektif pelantikan perunding;</li> <li>(c) Skop perkhidmatan perunding;</li> <li>(d) Tempoh perkhidmatan perunding;</li> <li>(e) Kaedah penetapan kos perkhidmatan perunding;</li> <li>(f) <i>Deliverables</i> (<i>output</i> yang dihasilkan);</li> <li>(g) Maklumat yang boleh disediakan oleh Kerajaan kepada Perunding;</li> <li>(h) Ringkasan projek (bagi projek pembangunan fizikal); dan</li> <li>(i) Perkara-perkara lain yang berkaitan</li> </ul> <p><b>B. ANGGARAN JABATAN</b></p> <p><b>C. TEMPOH ANGGARAN KAJIAN</b></p> <p><b>D. JENIS OUTPUT</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Laporan <i>Inception / Konsep /Awalan</i>;</li> <li>ii. Laporan Kemajuan Bulanan/Interim;</li> <li>iii. Laporan Akhir;</li> <li>iv. Lain-lain output yang bersesuaian mengikut keperluan projek/kajian</li> </ul> <p><b>E. Agensi boleh menyediakan data atau maklumat berkaitan bagi membantu perunding memahami keperluan projek/kajian dengan lebih baik.</b></p> <p><b>F. Senarai pendek firma melalui penetapan kriteria oleh JPP. Pemilihan firma boleh rujuk kepada portal ePerunding</b></p>

<p>4</p>	<p><b>Kapabiliti Firma Perunding</b></p> <p>2.1. Di dalam mengenalpasti kapabiliti sebuah firma dalam melaksanakan sesuatu projek/kajian, JPP boleh membuat penilaian dengan menetapkan peratus wajaran yang bersesuaian ke atas sub kriteria berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>2.1.1. <b>Berdaftar dengan Kementerian Kewangan</b> Tempoh pendaftaran dengan Kementerian Kewangan hendaklah masih sah sekurang-kurangnya tiga (3) bulan daripada tarikh tender diilangkan/surat dipelawa.</li> <li>2.1.2. <b>Berdaftar di bawah kod bidang yang berkaitan</b> Berdaftar di bawah kod bidang yang berkaitan yang ditetapkan oleh Agensi.</li> <li>2.1.3. <b>Pendaftaran perunding masih sah bagi profesion yang etika perkhidmatannya dikawal oleh Lembaga Profesional masing-masing atau badan kawalan yang diliktiraf</b> Tempoh pendaftaran perunding dengan Lembaga Profesional hendaklah masih sah semasa tarikh tutup tender.</li> <li>2.1.4. <b>Saiz dan keupayaan firma perunding bersesuaian dengan projek/kajian</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Bilangan kakitangan profesional perunding hendaklah mencukupi Nisbah ekuiti bumiputera Nisbah ekuiti Bumiputera berbanding ekuiti Bukan Bumiputera/Asing.</li> </ul> </li> </ul> <p><b>Firma Tempatan di negeri projek/kajian</b> Firma mempunyai ibu pejabat/ cawangan di lokaliti projek.</p> <p><b>Pengalaman firma dalam melaksanakan projek/kajian;</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Bilangan dan jumlah nilai kerja bagi projek/kajian seumpama yang pernah dilaksanakan oleh firma; dan</li> <li>(ii) Bilangan dan jumlah nilai kerja bagi projek/kajian umum yang pernah dilaksanakan oleh firma.</li> </ul> <p><b>Prestasi firma perunding;</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Perunding mempunyai prestasi perkhidmatan yang baik bagi projek/kajian Kerajaan yang dilaksanakan sebelum ini sama ada berdasarkan pengalaman Agensi Pelaksana/ Agensi Pelanggan/ Agensi lain;</li> <li>(ii) Perunding bebas daripada tindakan tatatertib oleh Lembaga Profesional dan Kementerian Kewangan;</li> <li>(iii) Perunding tidak digulungkan; dan</li> <li>(iv) Firma/ pemilik/ rakan kongsi/ pengarah tidak disabitkan atas kesalahan jenayah di dalam atau luar Malaysia.</li> </ul> <p><b>G. Jadual Pembayaran mengikut jenis output</b></p> <p><b>H. Syor Firma oleh JPP</b></p> <p><b>I. Slide – Rujuk Contoh</b></p> <p><b>J. Borang:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Perakuan PBM – Rujuk Contoh</li> <li>ii. Laporan Pemilihan – Rujuk Contoh</li> </ul> <p><b>K. Minit JPP</b></p> <p><b>L. Tandatangan Integrity Pack sebelum dan selepas tugas JPP</b></p>
----------	---

5	MESYUARAT LEMBAGA PEROLEHAN DIPENGERUSIKAN OLEH KSU MITI	Semua dokumen di atas akan dirujuk oleh Ahli Mesyuarat LP bagi tujuan kelulusan lantikan firma
6	SURAT DAN DOKUMEN PELAWAAN	Perunding bertanggungjawab mencadangkan pendekatan dan metodologi bagi menghasilkan output termasuk carta organisasi pasukan projek/kajian, peranan dan tanggungjawab setiap ahli pasukan serta jadual pelaksanaan projek/kajian. Rujuk Surat Pelawaan Rujuk Borang Pelawaan
7	MESYUARAT JPP 2	Membuat penilaian ke atas cadangan teknikal dan cadangan kos yang dikemukakan oleh perunding berdasarkan kepada kriteria dan wajaran yang telah ditetapkan;  Menandatangani Surat Akuan Ahli/Pengerusi JPP sebelum memulakan sebarang penilaian:  - Minit mesyuarat
8	SURAT SETUJU TERIMA (SST)	MEMUDTAMADKAN PROSES LANTIKAN PERUNDING KAJIAN DENGAN PEMBEKAL